

Transformasi Kepimpinan Mahasiswa USIM

SEREMBAN 1 Nov. - Proses membina personaliti memerlukan usaha dan komitmen besar dalam pembangunan kecekapan dan kepimpinan mahasiswa.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Md. Noor berkata, proses itu bermula dengan memenangi hati dan minda mahasiswa sebelum transformasi membina personaliti dilaksanakan.

Kata beliau, bagi mencapai hasrat itu, pelbagai program kepimpinan perlu dirangka dan dijayakan oleh universiti agar ia dapat membentuk mahasiswa daripada 'pemimpin baik' kepada 'pemimpin hebat'.

"Saya harap program kesedaran yang dicetuskan oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) ini akan dapat membuka minda mahasiswa agar lebih cenderung dalam kehidupan bermasyarakat," katanya pada majlis pelancaran Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM) di USIM, Nilai dekat sini, baru-baru ini.

PTKM adalah antara Projek Rangsangan 2011 yang dicetuskan oleh Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Muhamad Muda dan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) universiti tersebut

Seramai 100 peserta dipilih untuk menyertai program itu. Antara objektif utama program itu adalah membuka perspektif peserta kepada elemen sokongan yang berkaitan dengan kepimpinan, meluaskan pemikiran agar berpandangan lebih jauh dan membentuk sifat *al-abrar* atau berbakti.

Sementara itu, Muhamad Muda berkata, aspek transformasi diri yang diutarakan dalam program itu dilihat mampu menjadi platform ke arah pembangunan diri mahasiswa.

Katanya, empat bidang utama yang boleh diceburi mahasiswa untuk membina anjakan transformasi diri adalah kesukanan, kebudayaan dan kesenian, kesukarelawananan dan khidmat sosial serta politik dan alam sekitar.